

**Terma Rujukan  
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,  
Pusat Tanggungjawab (JKKP-PTJ)**

i) Jawatankuasa ini diwujudkan sebagai pihak pelaksana di peringkat PTJ.

**ii) Keannggotaan**

Dekan/Timbalan Dekan/Ketua PTJ – *Pengerusi*

Wakil majikan (minimum 4 orang pegawai kumpulan P&P)

Wakil pekerja (minimum 4 orang pegawai kumpulan sokongan)

Pegawai Tadbir – *Setiausaha*

*(Bilangan minimum boleh dikurangkan kepada 2 orang tiap kumpulan jika jumlah pekerja kurang daripada 100 orang di bawah seliaan PTJ berkenaan).*

Struktur Organisasi JKKP-PTJ (Bangunan Pentadbiran) – Lampiran 1

**iii) Objektif**

- i. Membantu JKKP-UPM mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (J/K Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 1996.
- ii. Melaksanakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTJ.
- iii. Memantau prestasi keselamatan dan kesihatan (OHS performance) di PTJ.
- iv. Melaporkan isu-isu keselamatan dan kesihatan kepada JKKP-UPM.

**iv) Fungsi**

- i. Memeriksa tempat kerja secara berkala (Audit KKP).
- ii. Memeriksa tempat kerja selepas kemalangan.
- iii. Membincang laporan kemalangan.
- iv. Membuat cadangan pemulihan/penambahbaikan.
- v. Menyimpan rekod berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- vi. Melaporkan perkara 1 – 5 kepada JKKP-UPM secara berkala atau selepas berlaku kemalangan.
- vii. Membantu JKKP-UPM dalam melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan keselamatan dan kesihatan dan aktiviti lain untuk menggalakkan pematuhan perjalanan kerja yang selamat dan sihat.

**v) Pelantikan Ahli Jawatankuasa**

Pengerusi dan Setiausaha adalah dilantik dan diberikuasa oleh Majikan/Pihak Pengurusan (Naib Canselor).

Anggota lain; sama ada Ketua PTJ mempelawa semua staf untuk mencalonkan wakil mereka dalam JKPP-PTJ atau Ketua PTJ melantik terus wakil bagi PTJ masing-masing.

**vi) Penyingkiran Ahli Jawatankuasa**

Seseorang anggota akan disingkirkan dari jawatankuasa jika;

- a. gagal hadiri mesyuarat jawatankuasa 3 kali berturut-turut;
- b. atau bertukar ke PTJ lain/berhenti kerja;
- c. atau tidak dapat atau tidak berupaya untuk menunaikan kewajipan sebagai anggota jawatankuasa

**vii) Kekerapan Mesyuarat : 4 kali setahun (3 bulan sekali).**

**viii) Kuorum**

Kehadiran mestilah lebih satu perdua ahli yang dilantik.

**ix) Lain-lain**

Ahli Jawatankuasa yang dilantik tidak boleh mewakilkan dirinya untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa.

Ahli Jawatankuasa ini adalah merupakan pegawai bertanggungjawab dalam aspek KKP di PTJ masing-masing.

Keanggotaan ini adalah berkuatkuasa selama 2 tahun.